

UUM JAYAKAN PROGRAM MyBrain15

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 27 Oktober 2010 17:17

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

27 OKTOBER 2010 / 19 ZULKAEDAH 1431H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed

Gambar Oleh: Hairul Nizam Zahari

UUM JAYAKAN PROGRAM MyBrain15

UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) menjayakan program MyBrain15 dan agenda Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dengan melahirkan 91 graduan Doktor Falsafah (PhD) dan 1,337 graduan Sarjana dalam pelbagai bidang terutama Pentadbiran Perniagaan dan Kewangan sempena Majlis Konvokesyen ke 23, Sidang Kedua 2010 yang akan diadakan pada 31 Oktober hingga 2 November ini.

Naib Canselor, Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, pencapaian ini menunjukkan perancangan UUM yang memberi tumpuan dalam melahirkan lebih ramai *Post Graduate Student* di universiti ini.

Katanya, statistik ini menunjukkan peningkatan sebanyak enam kali ganda berbanding 15 graduan PhD 2009 dan 91 graduan pada konvokesyen kali ini.

Manakala, graduan Sarjana juga menunjukkan kenaikan 50 peratus iaitu 1,337 graduan berbanding 897 pada tahun lalu.

"Konvokesyen kali ini juga memperlihatkan jumlah graduan Sarjana Pentadbiran Perniagaan bertambah dari 200 ke 279," katanya kepada wartawan di sidang akhbar yang diadakan di sebuah hotel di Alor Star, tengahari tadi.

Dalam pada itu, konvokesyen kali ini juga menyaksikan penganugerahan Ijazah kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Kerja Sosial) kepada Yang Teramat Mulia Tunku Panglima Besar Dato' Seri Tunku Puteri Intan Safinaz Tuanku Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah di atas sumbangan baginda dalam Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Tunku Puteri Intan Safinaz aktif dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan termasuk, meningkatkan imej Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dan Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia (LKPI) dan juga sebagai Penaung Diraja kepada Langkawi Geopark.

UUM juga mencatat sejarah tersendiri apabila konvokesyen kali ini menyaksikan Ketua Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia, Yang Terhormat Bapak Marzuki Alie akan menerima Ijazah PhD (Pemasaran Politik dan Politik Kepartian Indonesia: Kajian Pemilihan Umum Tahun 2009 di Daerah Khusus Ibu Kota Jakarta) daripada universiti ini.

Konvokesyen ke -23 UUM pada 31 Oktober hingga 2 November ini menyaksikan 4,190 graduan akan menerima ijazah masing-masing.

Mereka terdiri daripada seorang graduan Ijazah Kehormat, 52 graduan Ijazah Doktor Falsafah, tujuh graduan Doktor Pentadbiran Perniagaan, 657 graduan Ijazah Sarjana, 2,906 graduan Ijazah Sarjana Muda dan 567 graduan Diploma Ijazah (Diploma Pendidikan).